



**TRANSKRIP UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERJUMPAAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM
BAGI BULAN JANUARI 2019**

TARIKH : 14 JANUARI 2019 (ISNIN)

MASA : 8.15 PAGI

**TEMPAT : DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri, Ketua-Ketua Jabatan dan seterusnya tuan-tuan, puan-puan hadirin sekalian. Assalammualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera.

Hari ini seperti biasa kita berhimpun di sini untuk memperingatkan diri kita akan keadaan negara kita dan apa yang perlu dilakukan oleh kita supaya negara kita ini akan menjadi semakin lama semakin maju. Semua ini bermula dengan kita setelah mencapai kemerdekaan sejak 61 tahun dahulu. Tetapi, saya dapati ramai daripada kita tidak tahu akan sejarah negara kita. Sejarah ini penting bagi menentukan kita bertindak dengan cara yang bijak. Seperti kata George Santayana, Ahli Philosophy iaitu “sesiapa yang melupakan sejarah, akan didera dengan mengulangi kesalahan-kesalahan mereka berkali-kali. *Those who forget the lessons of history, will be condemned to repeat their mistakes over and over again*”.

Saya yakin kita tidak akan hendak mengulangi segala kesalahan kita. Sebab itu kita perlu tahu akan sejarah kita kerana dengan sejarah ini lah yang menentukan kita berada seperti yang kita perolehi sekarang ini. Kita berjuang melawan penjajahan oleh British kerana kita percaya

apabila kita dapat memerintah negara kita sekarang, maka kita mengambil berat tentang kedudukan negara kita dan rakyat. Itu lah sebabnya yang kita ingin mencapai kemerdekaan.

Alhamdulillah, negara kita ini mencapai kemerdekaan tanpa rusuhan dan peperangan. Ini adalah satu nikmat yang perlu kita hargai kerana apabila sesebuah negara yang dijajah, berperang untuk mendapatkan kemerdekaan, biasanya mereka yang berperang ini berpendapat bahawa mereka ini lah yang patut mewarisi pemerintahan negara walaupun mereka adalah anggota perang tidak terlatih dalam bidang pentadbiran tetapi oleh kerana mereka berjasa kepada negara dan memberi kemerdekaan kepada negara, maka mereka berpendapat, bahawa mereka lah yang layak sepatutnya menjadi pemerintah.

Oleh kerana mereka tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran, biasanya kita lihat negara-negara mereka tidak ditadbir dengan baik bahkan pemerintahan kerap kali menjadi pemerintahan kuku besi. Sebaliknya Malaysia ini bertuah kerana kita tidak berperang walupun ramai yang menganggap kemerdekaan kita ini tidak lah sebegitu baik seperti kemerdekaan yang dicapai melalui peperangan dan rusuhan tetapi kita harus ingat bahawa oleh kerana negara kita ini mencapai kemerdekaan tanpa rusuhan dan peperangan, maka

pemerintahan negara kita ini diambil alih oleh mereka yang terlatih dalam bidang pentadbiran. Kebanyakan daripada mereka biasa bekerja di bawah penjajah British dan mereka tahu akan selok belok pentadbiran sebuah negara. Sebab itu negara kita ini lebih cepat dibangunkan dan rakyat mendapat banyak nikmat.

Satu perkara yang kita tahu dan amat penting adalah negara merupakan negara yang berbilang kaum. Apabila merdeka, negara berbilang kaum ini kerap kali menghadapi cabaran dan kemungkinan rusuhan berlaku antara kaum-kaum. Kita lihat di sesetengah negara, bagaimana mereka yang menganggap diri mereka sebagai orang asal dari negara itu, iaitu peribumi atau bumiputera, mereka tidak senang hati dengan kaum-kaum lain yang dikatakan oleh kaum mereka adalah pendatang. Sebab itu kita lihat, banyak negara-negara yang mencapai kemerdekaan, banyak kaum-kaum yang bukan terdiri daripada anak watan ini dihalau keluar daripada negara mereka. Mereka tidak dibenarkan tinggal di negara mereka. Antaranya adalah negara Afrika, Tanzania dan di beberapa negara di Afrika. Juga berlaku di Myanmar di mana apabila Myanmar mencapai kemerdekaan iaitu sebagai Burma, mereka menghalau keluar orang-orang keturunan India kerana mereka beranggapan orang India ini telah menguasai ekonomi mereka sehingga anak watan ataupun orang Burma ini tidak mendapat tempat dalam bidang perniagaan dan

perusahaan. Itu berlaku di Myanmar dan juga masih terdapat perkelahan di merata tempat di mana kaum yang mendatang dahulu yang sudah lama tinggal di negara mereka tidak diterima oleh anak watan atau pun bumiputera.

Ini berlaku kepada negara lain tetapi tidak di Malaysia. Bahkan kita bersetuju supaya kita memberi hak kerakyatan kepada mereka yang daripada keturunan negara-negara lain dan usaha itu dibuat oleh parti-parti politik juga untuk menentukan negara kita ditadbir dengan penyertaan semua kaum. Ini lah keadaan di dalam negara kita dan ianya bermula pada waktu kita mencapai kemerdekaan dan dimana pemimpin-pemimpin dan kaum-kaum bersetuju supaya mereka tidak akan bermusuh antara mereka sebaliknya mereka akan mencantumkan diri mereka dan mendirikan kerajaan yang mewakili semua kaum.

Ini adalah satu sejarah yang perlu kita tahu kerana ini adalah hasil daripada kepimpinan yang bijak yang terdapat di waktu kita mencapai kemerdekaan. Sekarang ini kita warisi keadaan ini di mana negara kita adalah negara berbilang kaum. Kita dapati bahawa pada waktu ini kaum-kaum belum lagi bersatu padu seperti yang diharapkan. Di waktu kita mencapai kemerdekaan, kita berharap bahawa kita adalah satu bangsa yang bertutur kata didalam satu bahasa, berbudaya dan dapat

hidup dalam rukun damai antara kita. Tetapi oleh kerana masing-masing ingin mengekalkan kaitan mereka dengan negara mereka, maka kita menerima hakikat bahawa negara kita ini tidak boleh dijadikan sebuah negara yang mana semuanya menganggap diri mereka datang daripada satu kaum sahaja.

Walaupun demikian, negara kita tidak memperlihatkan rusuhan berlaku dalam negara ini. Hanya pada tahun 1969 sahaja telah berlaku rusuhan kaum tetapi kita mendapat pengajaran yang banyak daripada rusuhan itu kerana rusuhan tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada sesiapa pun. Ini lah sejarah kita iaitu kita sedar akan pentingnya kerjasama antara kaum dan pentingnya kita tidak merusuh sesama kaum.

Selain daripada itu, kita dapati bahawa rakyat Malaysia mengekalkan budaya, bahasa masing-masing, dapat hidup bersama-sama dan tidak ada rusuhan berlaku tetapi hakikatnya ialah terdapat juga perpisahan antara kaum dan perpisahan ini tidak begitu baik ataupun selamat bagi kita. Kita perlu mencantumkan semua kaum supaya dimana-mana sahaja kita pergi, kita akan dapati ketiga-tiga kaum ini bersama dengan kaum-kaum di Sabah dan Sarawak duduk dan tinggal bersama, kerja bersama dan sebagainya. Jika kita dapat mencapai keadaan yang seperti itu, maka saya yakin negara kita akan lebih maju lagi.

Ini perlu kita tahu daripada sejarah kita. Sejarah kita telah memberi banyak pengajaran kepada kita dan kita juga dapat membandingkan sejarah kita dengan sejarah negara-negara lain yang juga mencapai kemerdekaan bersama-sama dengan kita. Mereka tidak mencapai kemajuan seperti yang kita capai di negara kita ini walaupun ramai daripada mereka tidak mempunyai masalah perkauman tetapi perpisahan antara miskin dan kaya adalah begitu ketara sehingga berlakunya rusuhan antara yang miskin dan kaya.

Sebab itu kita perlu menumpukan kepada mengatasi isu kemiskinan di semua kaum. Kita lebih menumpukan Bumiputera ataupun orang Melayu sebabnya adalah kerana mereka adalah yang lebih ramai yang miskin. Hari ini kita dapati mereka terpisah tinggal di luar bandar dan keadaan mereka tidak lah seperti keadaan dalam bandar-bandar di mana segala-galanya mencukupi. Ini harus kita ingat dan menjadi tugas kita untuk menentukan agar negara kita dapat mengagihkan kekayaan secara sama rata. Jika tidak sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya pada satu tahap yang boleh diterima oleh masyarakat di negara kita. Tiada gunanya jika kita hanya menganggap hak kita ini terhadap kepada hak mengundi atau memilih kerajaan sahaja. Jika kita tidak dapat menyamakan kedudukan, kesejahteraan dan kehidupan yang tenang dan

makmur dalam semua kaum di Malaysia, maka kita tidak boleh anggap kita sudah berjaya dalam usaha kita membangunkan negara kita.

Kita tidak mahu melihat negara kita ini tidak diagihkan kekayaannya secara adil kepada semua kaum. Ini lah yang perlu kita belajar daripada sejarah kita dan saya harap setiap daripada kita sama ada pegawai kerajaan ataupun ahli politik ataupun pemimpin-pemimpin kerajaan, faham akan latar belakang sejarah kita supaya kita tidak akan mengulangi kesalahan-kesalahan kita yang lama sebaliknya kita menentukan negara kita ini terus aman dan semua kaum dapat hidup bersama tanpa rusuhan dan dapat agihan kekayaan negara secara adil dan saksama.

Inilah harapan kita. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang memberi peluang kepada saya untuk memperingati diri kita mengenai sejarah kita dan ini dibuat kerana kita percaya selagi kita ingat akan sejarah kita dan liku-liku yang dijalani oleh negara kita, maka negara kita akan terus aman dan apabila ianya aman, maka kemajuan dapat dicapai. Seterusnya kemajuan ini hendaklah diagih sama rata antara sesama kaum.

Sekian, terima kasih.